

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 7 /1995

Laporan-Laporan Teknikal Tahunan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Pengarah Kesihatan Negeri dan Pegawai Kesihatan Daerah

1. Tujuan

Tujuan surat pekeliling ini ialah untuk menyenaraikan perkara-perkara yang dicadangkan untuk diliputi dalam laporan-laporan teknikal tahunan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Pengarah Kesihatan Negeri dan Pegawai Kesihatan Daerah.

2. Latarbelakang

Laporan-laporan teknikal tahunan perlu disediakan di peringkat Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Pengarah Kesihatan Negeri dan Pegawai Kesihatan Daerah yang memberi tumpuan kepada objektif berikut:-

(i) Membuat penilaian taraf kesihatan penduduk didaerah/negeri/negara; (Kesihatan perlu dipandangkan dalam cara yang 'holistic'; kesihatan bermaksud keadaan yang baik dari segi fizikal, mental, sosial dan rohani, dan bukan sahaja ketiadaan penyakit atau kecederaan);

(i i) Menyatakan usaha-usaha untuk mengekalkan kesihatan dengan mengurangkan atau membuang faktor-faktor alam sekitar serta pengaruh sosial dan gaya hidup yang tidak sihat;

(iii) Memberi penekanan kepada dasar-dasar promosi dan penjagaan kesihatan; (mempromosikan kesihatan bermakna meningkatkan kualiti kehidupan semasa hayat dan bukan sahaja untuk mencapai jangka hayat panjang; dan

(iv) membuat penilaian keatas keseimbangan (balance), 'accessibility', kecekapan dan keberkesanan prosidur rawatan kesihatan yang sedia ada untuk mengekalkan kesihatan dan merawat pesakit dan, di mana ini tidak boleh dilakukan, mengurangkan ke tahap yang minima penderitaan kecacatan dan penggantungan.

Walau bagaimanapun, penyediaan laporan tahunan yang biasa di peringkat-peringkat kementerian, negeri, daerah dan institusi boleh di teruskan.

3. Tindakan dan Tanggungjawab

3.1. Senarai topik dicadangkan untuk laporan teknikal tahunan daerah (Lampiran A), laporan teknikal tahunan negeri (Lampiran B) dan laporan teknikal tahunan Ketua Pengarah Kesihatan, (Lampiran C) adalah di sertakan.

3.2. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan) di setiap negeri adalah bertanggungjawab untuk menyediakan laporan-laporan teknikal tahunan di peringkat

daerah dan negeri. Pengarah Kesihatan Negeri boleh memilih perkara-perkara yang diliputi dalam laporan daerah dan negeri masing-masing. Perkara-perkara tidak perlu diulangi. Sebahagian statistic perlu di dapati dari agensi-agensi lain seperti Jabatan Perangkaan, Jabatan Polis, PERKESO, dan sebagainya.

3.3. Pengarah Bahagian Perancangan dan Pembangunan dan Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan adalah bertanggungjawab untuk menyelaraskan persediaan laporan teknikal tahunan Ketua Pengarah Kesihatan bagi tahun 1 995. Perkara-perkara bagi tahun 1 995 akan ditentukan kelak.

Semua laporan teknikal tahunan perlu dibuat dalam Bahasa Inggeris.

4. Pertanyaan

Segala pertanyaan mengenai laporan teknikal tahunan hendaklah dikemukakan kepada:

Pengarah

Bahagian Perancangan dan Pembangunan

Tingkat 4, Blok D

Komplek Pejabat Damansara Height

Jalan Dungun

50490 Kuala Lumpur

(u/p: Dr. Shahidah bt. Abdul Manaff)

Sekian, terima kasih,

Saya yang menurut perintah,

(TAN SRI DATO' (DR.) ABU BAKAR BIN SULEIMAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia